

# PM arah ICQ Bangunan Sultan Iskandar segera dibaik pulih

BH - 13/6/2022 m/s: 6

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan kemudahan awam di Kompleks Kastam dan Imigresen (ICQ) Bangunan Sultan Iskandar, Johor, segera dibaik pulih.

Beliau yang mengadakan tinjauan mengejut ke kompleks berkenaan semalam mendapati eskalator dan pintu automatik (*autogate*) untuk pemegang pasport Malaysia mengalami kerosakan.

“Saya mendapati kemudahan termasuk pengangkutan awam dalam keadaan baik kecuali kerosakan eskalator dan *autogate* untuk pemegang pasport Malaysia.

“Kekurangan ini perlu diselesaikan segera untuk kemudahan Keluarga Malaysia dan pengembara dari luar kerana ia antara pintu masuk utama negara,” katanya dalam kenyataan

di Facebook.

Yang turut sama dalam tinjauan itu, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Ismail Sabri berkata, kompleks berkenaan sudah kembali beroperasi selepas sempadan negara dibuka semula sepenuhnya.

Terdahulu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar turut berkenan menerima mengadap Perdana Menteri di Istana Bukit Serene, Johor Bahru. Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Raja Muda Johor, Tunku Iskandar Abdul Jalil Abu Bakar Ibrahim.

Yang turut hadir, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Dr Azmi Rohani. Perdana Menteri turut di-  
raikan dalam satu majlis santapan tengah hari bersama Sultan Johor.



Ismail Sabri diiringi Onn Hafiz ketika melakukan lawatan mengejut ke Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor, semalam.